PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 4/2026

MENGUBAH SYARAT-SYARAT KELULUSAN PEMBERIMILIKAN YANG DITENTUKAN MENURUT UNDANG-UNDANG TANAH TERDAHULU

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Putrajaya
2026

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2026

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 4/2026
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Menara PETRA, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan
1	1980	Pekeliling Asal
2	2009	Semakan Pertama
3	2026	Semakan Kedua

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 4/2026

Mengubah Syarat-syarat Kelulusan Pemberimilikan Yang Ditentukan Menurut Undang-Undang Tanah Terdahulu

TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pentadbir Tanah mengenai cara mengubah syarat-syarat pemberimilikan tanah yang diduduki secara sah berdasarkan pemberimilikan tanah di bawah undang-undang tanah terdahulu (yang juga dikenali sebagai tanah "*Approved Application*" atau *"Approved Occupation"* – 'A.A./A.O.').

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Menurut subseksyen 80(4) Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] (KTN), kelulusan pemberimilikan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) sebelum KTN berkuatkuasa adalah dianggap sebagai satu kelulusan pemberimilikan tanah menurut KTN. Perkataan *land approved before the commencement* adalah terpakai kepada semua permohonan pemberimilikan tanah yang telah diluluskan sebelum 01.01.1966 tetapi hakmilik, sama ada sementara atau tetap, belum lagi didaftarkan.

3. Setelah hakmilik tanah didaftarkan dan dikeluarkan, tuan punya tanah boleh memohon kepada PBN untuk mengubah syarat-syarat kelulusan pemberimilikan yang ditentukan menurut undang-undang tanah terdahulu melalui proses di bawah seksyen 124 KTN. Permohonan ini boleh dikemukakan oleh tuan punya tanah tanpa menggunakan perkhidmatan juru perunding (jurukur tanah berlesen/perancang bandar dan desa).

4. PBN boleh mempertimbangkan dan meluluskan permohonan yang dinyatakan pada perenggan 3 di atas tertakluk kepada subseksyen 124(5) KTN yang memperuntukkan perkara-perkara berikut:

4.1 Pengenaan suatu premium tambahan;

4.2 Pengenaan apa-apa caj baru yang ditetapkan;

4.3 Penetapan suatu cukai sewa baru; dan

4.4 Pematuhan kepada apa-apa kehendak lain yang PBN difikirkan sesuai.

5. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 4/2024 bertajuk "Tatacara Pengurusan Permohonan Pengubahan Kategori, Syarat Nyata atau Sekatan Kepentingan Di Bawah Seksyen 124 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]".

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri serta Wilayah Persekutuan.

7. Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh ia ditandatangani.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 2/1980 adalah dibatalkan.

(DATO' HAJI MOHD FAUZI BIN MOHD YATIM)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

Tarikh: 08.4.2026